# KERATAN AKHBAR

5 JANUARI 2021
SELASA

sains




facebook
**5 JANUARI 2021**
**SELASA**
https://www.facebook.com/1550767518477738/posts/2758657721022039/

**TOK MIN BANGGA DENGAN KOMITMEN PIHAK SAINS YANG MENGHULURKAN BANTUAN**

Tok Min bangga dan mengucapkan tahniah kepada pihak SAINS yang sentiasa sensitif terhadap mereka yang memerlukan bantuan.

Islam tidak membataskan umatnya untuk berbuat baik sesama mereka saja, bahkan menaungi semuanya tanpa mengira kaum, budaya dan agama termasuk makhluk seisi alam.

Orang yang berbuat baik disukai dan dikasihi Allah, malah diberikan ganjaran pahala sebagaimana diterangkan melalui beberapa nas berikut:

Firman-Nya dalam surah Hud, ayat 115 bermaksud:

"Dan sabarlah (wahai Muhammad, engkau dan umatmu dalam mengerjakan suruhan Allah) kerana sesungguhnya Allah tidak akan menghilangkan pahala orang-orang yang berbuat kebaikan."

05 Januari 2021

Misi Bantuan Lori Tangki SAINS berkapasiti 1200 gelen dan 800 gelen ke Pahang (Pengurusan Air Pahang Berhad) pada jam 2.30 petang di Pejabat Operasi SAINS Jempol.

Tok Min mendoakan mudah-mudahan Allah Taala merahmati seluruh Warga Kerja SAINS.
Aminn.

SPAN **Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara**
1d ·

Berikutan situasi bencana banjir yang semakin serius di negeri Pahang, SPAN telah mengkoordinasikan aturan bantuan lori-lori tangki agihan air terawat mulai hari ini yang datangnya dari rakan-rakan operator antaranya dari Pengurusan Air Selangor (Air Selangor), Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS), Ranhill SAJ (RSAJ), Syarikat Air Darul Aman (SADA), Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) dan Lembaga Air Perak (LAP).

Selain 30 lori tangki dari Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) yang digerakkan ke seluruh daerah, sejumlah 16 lori tangki agihan air dari 6 operator bekalan air telah digerakkan untuk memastikan pengguna di kawasan terjejas dan di pusat penempatan banjir kekal menerima bekalan air bersih walau dalam situasi sukar ini.

Untuk rekod, sehingga jam 6 petang hari ini sejumlah 14 Loji Rawatan Air (LRA) masih tidak dapat dioperasikan akibat banjir dengan lebih 35,000 akaun pengguna yang terjejas yang merangkumi hampir 176,000 pengguna di Pahang.

Selain itu, projek CSR SPAN di Kampung Sempadan, Jerantut, Pahang sebelum ini telah sedikit sebanyak membantu penduduk setempat kekal mempunyai akses terhadap air bersih ketika berhadapan situasi laluan keluar/masuk terhalang akibat banjir.

Marilah kita sama-sama membantu dengan berikhtiar dan berdoa agar situasi banjir akan kembali pulih di negeri-negeri terlibat dan mangsa banjir sentiasa berada di dalam keadaan selamat dan sejahtera.

SPAN dan rakan operator air komited dalam memastikan kelangsungan bekalan air terawat kepada pengguna seboleh mungkin kekal dibekalkan melalui kerjasama erat antara satu dengan yang lain terutama di waktu mencabar seperti banjir.

#spanmalaysia
#KementerianAlamSekitarDanAir
#kitajagakita




Like Comment Share

sains

**Pusat Khidmat Pelanggan - SAINS**

1d ·

05 Januari 2021 - Misi Bantuan Lori Tangki SAINS berkapasiti 1200 gelen dan 800 gelen ke Pahang (Pengurusan Air Pahang Berhad) pada jam 2.30 petang di Pejabat Operasi SAINS Jempol.







52

2 Comments • 1 Share








**facebook**

**5 JANUARI 2021**
**SELASA**

https://www.facebook.com/1550767518477738/posts/2758094557745022/